

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**(SOALAN NO.9 HINGGA NO. 106)**

[ SOALAN NO. 1 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO.28, NO.32, NO.71, NO.83 ]

[ SOALAN NO.3 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO.103 ]

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD  
SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING  
PARLIMEN MALAYSIA**

## SOALAN ( 9 )

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH : 27 JULAI 2017  
[ KHAMIS ]  
DARIPADA : YB. DATUK LINDA TSEN THAU LIN  
[BATU SAPI]

## SOALAN :-

**YB. Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan kedudukan pembinaan rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) di kawasan Perbandaran Sandakan, terutamanya Kawasan Batu Sapi.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini telah membina sebanyak 7 Program Perumahan Rakyat (PPR) di kawasan perbandaran Sandakan yang melibatkan sebanyak 4,180 unit rumah PPR. PPR Batu Sapi telah siap dibina pada 30 Disember 2015 dan telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri Sabah untuk tujuan pengisian. PPR Batu Sapi ini melibatkan pembinaan sebanyak 180 unit rumah pangsa 5 tingkat berserta kemudahan dengan kos projek berjumlah RM31.25 juta.

		JUMLAH UNIT	DIISI	KOSONG	PPR DISEWA / DIMILIKI	KOS PEMBINAAN (RM)	KAWASAN PARLIMEN
	<b>SABAH</b>	<b>4,180</b>	<b>3,650</b>	<b>530</b>			
1	PPR BATU 4, SANDAKAN	1,000	1,000	0	Disewa	61,501,500.90	SANDAKAN
2	PPR ARMY CAMP, SANDAKAN	500	500	0	Disewa	35,641,000.00	SANDAKAN
3	PPR PEKAN MUHIBBAH, SANDAKAN, SABAH	500	360	140	Disewa	75,000,000.00	SANDAKAN
4	PPR TAMAN HARMONI SANDAKAN	1,000	650	350	Dimiliki	165,000,000.00	SANDAKAN
5	PPR GUM-GUM, SANDAKAN	500	500	0	Disewa	33,575,000.00	LIBARAN
6	PPR LINTAS SIBUGA	500	500	0	Disewa	62,500,000.00	LIBARAN
7	PPR BATU SAPI	180	140	40	Disewa	31,250,000.00	BATU SAPI
					<b>JUMLAH</b>	<b>464,467,500.90</b>	

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, daripada 180 unit PPR Batu Sapi, sebanyak 140 unit telah diisi dan baki 40 unit dalam proses pengisian oleh Kerajaan Negeri.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2017